

MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 52
No. 25

15hb Disember 2008

TAMBAHAN No. 137
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 444.

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

**PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK
DENGAN CEKAP 2008**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Fi

BAHAGIAN II

PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK

5. Obligasi untuk mengemukakan maklumat kepada Suruhanjaya
6. Pemberitahuan oleh Suruhanjaya

Peraturan

7. Obligasi pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna
8. Maklumat tambahan
9. Kajian semula
10. Penarikan balik

BAHAGIAN III

PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR

11. Pengurus tenaga elektrik berdaftar di pemasangan
12. Kehendak kelayakan
13. Permohonan untuk pendaftaran
14. Pengeluaran perakuan pendaftaran
15. Keterangan perubahan mengenai kesihatan pemohon
16. Fungsi dan kewajipan pengurus tenaga elektrik berdaftar
17. Tempoh kesahan pendaftaran dan pembaharuan
18. Pembatalan pendaftaran pengurus tenaga elektrik berdaftar

BAHAGIAN IV

AM

19. Daftar
20. Penggantian perakuan pendaftaran
21. Salinan perakuan pendaftaran yang diperakui benar
22. Penalti am
23. Pelanjutan masa
24. Penyampaian notis

JADUAL

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK DENGAN
CEKAP 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23A dan 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik dengan Cekap 2008**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2008.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pemegang lesen pemasangan persendirian” ertinya seseorang yang telah diberikan suatu lesen di bawah Akta untuk menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan suatu pemasangan semata-mata untuk membekalkan tenaga elektrik kepada dan bagi kegunaannya di atas harta atau premis orang itu sendiri;

“pengurus tenaga elektrik berdaftar” ertinya seorang yang didaftarkan di bawah peraturan 14;

“poin pemeteran” ertinya poin penyambungan fizikal peranti yang mengukur arus dalam konduktor kuasa di mana penggunaan elektrik diukur;

“tarikh kuat kuasa” ertinya tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa.

Pemakaian

3. (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi—
 - (a) mana-mana pemasangan yang menerima tenaga elektrik daripada seseorang pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan dengan jumlah penggunaan tenaga elektrik menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh sebagaimana yang diukur pada satu poin pemeteran atau lebih bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut; atau

- (b) mana-mana pemasangan yang digunakan, dikerjakan atau dikendalikan oleh seseorang pemegang lesen pemasangan persendirian dengan jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut.
- (2) Bagi maksud subperaturan (1) dan apabila sahaja disebut dalam Peraturan-Peraturan ini—
- (a) bagi mana-mana pemasangan yang menerima tenaga elektrik daripada seseorang pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan di bawah perenggan (1)(a) sebelum atau pada tarikh kuat kuasa, 3,000,000 kWh dikira bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut dari tarikh kuat kuasa;
- (b) bagi mana-mana pemasangan yang menerima tenaga elektrik daripada seseorang pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan di bawah perenggan (1)(a) selepas tarikh kuat kuasa, 3,000,000 kWh dikira bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut dari tarikh bekalan tenaga elektrik disambungkan kepada pemasangan itu oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan itu;
- (c) bagi mana-mana pemasangan yang digunakan, dikerjakan atau dikendalikan oleh seseorang pemegang lesen pemasangan persendirian di bawah perenggan (1)(b) sebelum atau pada tarikh kuat kuasa, 3,000,000 kWh dikira bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut dari tarikh kuat kuasa; dan
- (d) bagi mana-mana pemasangan yang digunakan, dikerjakan atau dikendalikan oleh seseorang pemegang lesen pemasangan persendirian di bawah perenggan (1)(b) selepas tarikh kuat kuasa, 3,000,000 kWh dikira bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut dari tarikh pemasangan itu mula menjana tenaga elektrik.

Fi

4. (1) Fi yang perlu dibayar bagi maksud Peraturan-Peraturan ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar kepada Suruhanjaya melalui apa-apa kaedah dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK

Obligasi untuk mengemukakan maklumat kepada Suruhanjaya

5. (1) Seseorang pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan yang membekalkan tenaga elektrik kepada mana-mana pemasangan di bawah perenggan 3(2)(a) hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya maklumat atau dokumen mengenai nama dan butir-butir pengguna yang jumlah penggunaan tenaga elektriknya

bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh, tidak lewat daripada satu bulan selepas habis tempoh enam bulan berturut-turut dari tarikh kuat kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan yang membekalkan tenaga elektrik kepada mana-mana pemasangan di bawah perenggan 3(2)(b) hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya maklumat atau dokumen mengenai nama dan butir-butir pengguna yang jumlah penggunaan tenaga elektriknya bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh, tidak lewat daripada satu bulan selepas habis tempoh enam bulan berturut-turut dari tarikh bekalan tenaga elektrik disambungkan kepada pemasangan itu oleh pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan itu.

(3) Seseorang pemegang lesen pemasangan persendirian di bawah perenggan 3(2)(c) hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya maklumat atau dokumen mengenai jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut yang menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh, tidak lewat daripada satu bulan selepas habis tempoh enam bulan berturut-turut dari tarikh kuat kuasa.

(4) Seseorang pemegang lesen pemasangan persendirian di bawah perenggan 3(2)(d) hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya maklumat atau dokumen mengenai jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan berturut-turut yang menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh, tidak lewat daripada satu bulan selepas habis tempoh enam bulan berturut-turut dari tarikh pemasangan itu mula menjana tenaga elektrik.

(5) Walau apa pun subperaturan (1) hingga (4), Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa melalui suatu notis bertulis, mengarahkan mana-mana pemegang lesen, pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen pemasangan persendirian untuk memberikan, dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(6) Mana-mana pemegang lesen, pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen pemasangan persendirian yang dikehendaki untuk memberikan maklumat atau dokumen di bawah peraturan ini hendaklah memastikan bahawa maklumat atau dokumen yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan hendaklah memberikan suatu representasi yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu representasi bahawa dia atau ia tidak menyedari tentang apa-apa maklumat lain yang akan menjadikan maklumat yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(7) Mana-mana pemegang lesen, pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen pemasangan persendirian yang—

(a) gagal mematuhi peraturan ini; atau

(b) gagal menzahirkan atau ketinggalan memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan, atau memberikan maklumat atau dokumen yang dia atau ia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen itu adalah palsu atau mengelirukan,

melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pemberitahuan oleh Suruhanjaya

6. (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa melalui notis bertulis, mengarahkan mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang jumlah bersih penjana tenaga elektrik atau jumlah penggunaan tenaga elektrik, mengikut mana-mana yang berkenaan, menyamai atau melebihi 3,00,000kWh—

- (a) untuk melantik atau menamakan seorang pengurus tenaga elektrik berdaftar untuk menjalankan fungsi dan kewajipan di bawah peraturan 16 di pemasangan itu;
- (b) untuk mengemukakan suatu pengesahan bertulis berkenaan dengan pelantikan atau penamaan di bawah perenggan (a) kepada Suruhanjaya yang mengandungi nama dan butir-butir mengenai pengurus tenaga elektrik berdaftar itu serta tarikh habis pendaftarannya sebagai seorang pengurus tenaga elektrik;
- (c) untuk mengemukakan maklumat mengenai—
 - (i) pernyataan dasar bagi pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan itu;
 - (ii) matlamat pengurusan tenaga elektrik dengan cekap; dan
 - (iii) akaun dan dokumen berkaitan dengan pengurusan tenaga elektrik dengan cekap;
- (d) untuk mengemukakan laporan dalam Borang A Jadual Kedua yang telah ditandatangani dengan sewajarnya; dan
- (e) untuk mengemukakan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna hendaklah apabila mengemukakan maklumat dan laporan di bawah perenggan (1)(c), (d) dan (e) memasukkan suatu perisytiharan oleh pengurus tenaga elektrik berdaftar bagi pemasangan itu dalam Borang B Jadual Kedua.

(3) Mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang dikehendaki supaya mengemukakan maklumat dan laporan di bawah subperaturan (1) dan (2) hendaklah memastikan bahawa maklumat dan laporan yang dikemukakan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan hendaklah memberikan suatu representasi yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu representasi bahawa dia atau ia tidak menyedari tentang apa-apa maklumat lain yang akan menjadikan maklumat dan laporan yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(4) Mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang—

- (a) gagal mematuhi subperaturan (1) atau (2); atau

- (b) gagal menzahirkan atau ketinggalan memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan, atau memberikan maklumat atau dokumen yang dia atau ia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen itu adalah palsu atau mengelirukan,

melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Obligasi pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna

7. (1) Mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang kepadanya telah disampaikan suatu notis bertulis daripada Suruhanjaya di bawah peraturan 6 hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

- (a) maklumat yang dikehendaki di bawah perenggan 6(1)(a) dan (b) tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh notis bertulis itu; dan
- (b) maklumat dan laporan yang dikehendaki di bawah perenggan 6(1)(c), (d) dan (e) dan perisytiharan di bawah subperaturan 6(2) tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas habis tempoh enam bulan berturut-turut dari tamat tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 7(1)(a).

(2) Pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna hendaklah terus mengemukakan kepada Suruhanjaya—

- (a) maklumat yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) tidak lewat daripada tiga bulan; dan
- (b) maklumat dan laporan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b) tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas habis tempoh enam bulan berturut-turut,

dari tamat tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b), dan hendaklah selepas itu dikemukakan dengan sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan dalam subperaturan ini.

(3) Mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang gagal mematuhi subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Maklumat tambahan

8. (1) Suruhanjaya boleh melalui notis bertulis, pada bila-bila masa selepas menerima maklumat dan laporan di bawah peraturan 6, menghendaki pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna itu untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang gagal mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Kajian semula

9. (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa selepas menerima maklumat dan laporan di bawah peraturan 6, mengkaji semula obligasi pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna itu dengan mengambil kira—

- (a) bahawa jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik atau jumlah penggunaan tenaga elektrik bagi tempoh yang dilaporkan dalam Borang A Jadual Kedua adalah di bawah 3,000,000 kWh;
- (b) bahawa pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna telah mematuhi dengan sepenuhnya kehendak Peraturan-Peraturan ini; dan
- (c) apa-apa sebab lain yang dianggap patut oleh Suruhanjaya untuk menunjukkan pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan bagi tempoh yang dilaporkan dalam Borang A Jadual Kedua.

(2) Suruhanjaya hendaklah, selepas mengkaji semula obligasi pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna di bawah subperaturan (1), melalui notis bertulis memberitahu pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna itu bahawa dia atau ia tidak lagi dikehendaki mengemukakan selanjutnya maklumat dan laporan yang dinyatakan dalam peraturan 6.

(3) Pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang kepadanya disampaikan notis bertulis di bawah subperaturan (2) hendaklah berhenti mengemukakan maklumat dan laporan yang dinyatakan dalam peraturan 6 mulai tarikh notis itu.

Penarikan balik

10. (1) Walau apa pun subperaturan 9(2), Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa selepas notis bertulis dikeluarkan di bawah subperaturan 9(2) kepada mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna, menarik balik notis itu jika—

- (a) jumlah penggunaan tenaga elektrik atau jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik di pemasangan itu bagi apa-apa tempoh enam bulan berturut-turut selepas tarikh notis dikeluarkan menyamai atau melebihi 3,000,000 kWh; atau
- (b) bagi apa-apa sebab lain yang dianggap patut oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya berpuas hati bahawa pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna itu tidak mengamalkan pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan itu selepas tarikh notis itu dikeluarkan.

(2) Mana-mana pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna yang kepadanya notis bertulis yang dikeluarkan di bawah subperaturan 9(2) ditarik balik menurut subperaturan (1), hendaklah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini mulai tarikh notis itu ditarik balik.

(3) Apa-apa penarikan balik notis bertulis yang dikeluarkan di bawah subperaturan 9(2) oleh Suruhanjaya hendaklah secara bertulis dan disampaikan kepada pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna itu.

BAHAGIAN III

PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR

Pengurus tenaga elektrik berdaftar di pemasangan

11. (1) Tiada mana-mana orang boleh melibatkan diri, diambil kerja atau menonjolkan dirinya sebagai seorang pengurus tenaga elektrik berdaftar bagi maksud Peraturan-Peraturan ini melainkan jika orang itu telah didaftarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Kehendak kelayakan

12. (1) Seseorang yang memohon untuk didaftarkan sebagai seorang pengurus tenaga elektrik bagi maksud Peraturan-Peraturan ini hendaklah memuaskan hati Suruhanjaya bahawa—

- (a) dia ialah seorang warganegara Malaysia yang berumur 23 tahun ke atas yang—
 - (i) memegang surat perakuan pendaftaran sebagai seorang Jurutera Profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*] dan mempunyai sekurang-kurangnya enam bulan pengalaman kerja dalam pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di sesuatu pemasangan;
 - (ii) memegang ijazah dalam Sains, Kejuruteraan, Seni Bina atau yang setaraf dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman kerja dalam pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di sesuatu pemasangan; atau
 - (iii) memegang suatu Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya sebagai seorang Jurutera Perkhidmatan Elektrik atau Jurutera Elektrik Kompeten dan mempunyai sekurang-kurangnya sembilan bulan pengalaman kerja dalam pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di sesuatu pemasangan; dan
- (b) dia menunjukkan pengetahuan mengenai kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan ini yang memuaskan hati Suruhanjaya.

(2) Tanpa menjejaskan subperaturan (1), Suruhanjaya boleh menghendaki mana-mana orang untuk menghadiri sesuatu temu duga yang akan dijalankan atau menyebabkan dijalankan oleh Suruhanjaya pada suatu tarikh dan di suatu lokasi yang hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya bagi memastikan kelayakannya.

Permohonan untuk pendaftaran

13. (1) Seseorang yang menepati kelayakan yang dinyatakan dalam peraturan 12 boleh memohon secara bertulis kepada Suruhanjaya untuk didaftarkan

sebagai seorang pengurus tenaga elektrik, dan hendaklah mengemukakan berserta dengan permohonan itu—

- (a) fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) apa-apa maklumat dan dokumen untuk menyokong fakta bahawa pemohon mempunyai rekod prestasi yang terbukti sebagai seorang pengurus tenaga elektrik, atau keterangan yang menunjukkan bahawa walaupun rekod prestasi tidak ada, dia mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk menguruskan tenaga elektrik dengan cekap.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan dan pemohon hendaklah mematuhi kehendak itu dalam tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (2) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik oleh pemohon dan apa-apa tindakan terhadap permohonan itu tidak akan diteruskan, tetapi penarikan balik itu tidak akan menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan yang baru.

Pengeluaran perakuan pendaftaran

14. (1) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa empat puluh lima hari dari tarikh penerimaan apa-apa maklumat atau dokumen atau apa-apa maklumat atau dokumen tambahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subperaturan 13(1) atau (2) memberitahu pemohon secara bertulis, sama ada permohonannya untuk didaftarkan sebagai seorang pengurus tenaga elektrik itu telah diluluskan atau ditolak.

(2) Jika permohonan itu diluluskan, Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan pemohon sebagai seorang pengurus tenaga elektrik, dan apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran.

(3) Jika permohonan itu ditolak, Suruhanjaya boleh, atas permintaan pemohon, memberikan sebab secara bertulis kepada pemohon tentang penolakan itu.

(4) Perakuan pendaftaran hendaklah dalam Borang C Jadual Kedua, dan Suruhanjaya boleh menyatakan dalam perakuan itu apa-apa syarat atau sekatan berkenaan dengan pendaftaran itu.

Keterangan perubahan mengenai kesihatan pemohon

15. Walau apa pun subperaturan 13(1) dan (2), Suruhanjaya boleh menghendaki supaya keterangan perubahan mengenai kesihatan jasmani dan mental pemohon,

yang diperakui oleh seorang pengamal perubatan berdaftar, dikemukakan oleh pemohon itu sebelum suatu perakuan pendaftaran sebagai pengurus tenaga elektrik dikeluarkan kepadanya.

Fungsi dan kewajipan pengurus tenaga elektrik berdaftar

16. Pengurus tenaga elektrik berdaftar hendaklah mempunyai fungsi dan kewajipan yang berikut:

- (a) dia hendaklah bertanggungjawab—
 - (i) untuk mengaudit dan menganalisis jumlah penggunaan tenaga elektrik atau jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik di pemasangan, termasuk penggunaan akhir elektrik yang ketara;
 - (ii) untuk menasihati pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna dalam membangunkan dan melaksanakan langkah bagi memastikan pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan; dan
 - (iii) untuk memantau keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah yang disebut dalam subperenggan (ii);
- (b) dia hendaklah menyelia penyimpanan rekod mengenai pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan dan mengesahkan ketepatannya; dan
- (c) dia hendaklah memastikan bahawa pemegang lesen pemasangan persendirian atau pengguna mengemukakan maklumat dan laporan di bawah perenggan 6(1)(c), (d) dan (e) dalam tempoh yang dinyatakan dalam peraturan 7.

Tempoh kesahan pendaftaran dan pembaharuan

17. (1) Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan 14(2) adalah sah selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun dari tarikh perakuan itu dikeluarkan.

(2) Jika orang yang didaftarkan di bawah subperaturan (1) berniat untuk terus membuat apa-apa kerja, tindakan atau perkara yang baginya pendaftaran itu dikehendaki selepas habis tempoh pendaftarannya, dia hendaklah, sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh habis tempoh pendaftarannya, membaharui pendaftarannya.

(3) Suruhanjaya hendaklah membaharui pendaftaran pengurus tenaga elektrik jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) dia telah mematuhi syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran; dan

(b) dia telah membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembatalan pendaftaran pengurus tenaga elektrik berdaftar

18. (1) Suruhanjaya boleh membatalkan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada seorang pengurus tenaga elektrik berdaftar di bawah subperaturan 14(2) jika—

- (a) dia telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini;
- (b) dia telah memperoleh perakuan pendaftaran dengan membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa akuan, pengesahan atau representasi yang palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau sebaliknya;
- (c) dia telah menggunakan perakuan pendaftaran bagi suatu maksud yang berbeza daripada maksud yang baginya perakuan itu dikeluarkan atau mengikut cara yang bermaksud akan mengelirukan atau menipu orang ramai; atau
- (d) dia telah gagal menjalankan fungsi dan kewajipan yang dinyatakan dalam peraturan 16.

(2) Jika Suruhanjaya berniat untuk membatalkan perakuan pendaftaran di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah memberitahu pengurus tenaga elektrik berdaftar itu secara bertulis tentang niatnya.

(3) Pengurus tenaga elektrik berdaftar hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh notis bertulis dikeluarkan di bawah subperaturan (2) memberikan suatu penghujahan bertulis kepada Suruhanjaya yang menyatakan sebab mengapa perakuan pendaftarannya tidak patut dibatalkan.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada penghujahan bertulis yang dibuat oleh pengurus tenaga elektrik berdaftar itu sebelum membuat apa-apa keputusan.

(5) Jika Suruhanjaya, selepas memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada penghujahan bertulis itu, membatalkan perakuan pendaftaran itu, Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan suatu notis pembatalan kepada pengurus tenaga elektrik berdaftar itu berserta dengan sebab-sebab bagi pembatalan itu.

(6) Pembatalan perakuan pendaftaran itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis pembatalan itu.

(7) Walau apa pun subperaturan (1), jika Suruhanjaya berpendapat bahawa tindakan segera dikehendaki untuk melindungi kepentingan orang awam dan bahawa tindakan itu adalah berhubung dengan fungsi dan kewajipan pengurus tenaga elektrik berdaftar itu, Suruhanjaya boleh membatalkan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada pengurus tenaga elektrik berdaftar dengan serta-merta dengan menyampaikan suatu notis pembatalan kepadanya.

BAHAGIAN IV

AM

Daftar

19. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai tiap-tiap pengurus tenaga elektrik berdaftar yang kepadanya suatu perakuan pendaftaran telah dikeluarkan di bawah subperaturan 14(2), yang hendaklah termasuk nama dan butir-butir mengenai pengurus tenaga elektrik berdaftar itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memotong daripada daftar nama dan butir-butir mengenai tiap-tiap pengurus tenaga elektrik berdaftar yang perakuan pendaftarannya telah dibatalkan di bawah peraturan 18.

Penggantian perakuan pendaftaran

20. (1) Pengurus tenaga elektrik berdaftar yang kepadanya suatu perakuan pendaftaran telah dikeluarkan di bawah subperaturan 14(2) boleh memohon secara bertulis kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan suatu gantian bagi perakuan pendaftaran itu.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan—

- (a) dalam hal kehilangan perakuan pendaftaran, dengan suatu laporan polis atau akuan berkanun yang dibuat di hadapan Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah tentang kehilangan itu;
- (b) dalam hal kerosakan pada perakuan pendaftaran, dengan perakuan pendaftaran yang telah rosak;
- (c) dengan fi permohonan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama; dan
- (d) dengan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa kehilangan atau kerosakan pada perakuan pendaftaran bukan akibat daripada apa-apa fraud atau kecuaiian, Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran gantian dengan perkataan "SALINAN" yang diendorskan padanya.

Salinan perakuan pendaftaran yang diperakui benar

21. (1) Seseorang pengurus tenaga elektrik berdaftar boleh memohon secara bertulis kepada Suruhanjaya bagi mendapatkan suatu salinan perakuan pendaftaran yang diperakui benar.

(2) Apabila dibayar fi permohonan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, Suruhanjaya hendaklah memberikan suatu salinan perakuan pendaftaran yang diperakui benar kepada pengurus tenaga elektrik berdaftar yang berkenaan.

Penalti am

22. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pelanjutan masa

23. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini, jika suatu tempoh dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau dalam apa-apa notis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut Peraturan-Peraturan ini bagi apa-apa tindakan yang hendaklah dilakukan atau syarat yang hendaklah dipenuhi, orang yang terjejas itu boleh meminta untuk mendapatkan pelanjutan masa secara bertulis dan Suruhanjaya boleh memberikan pelanjutan masa itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penyampaian notis

24. (1) Apa-apa notis boleh, bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, disampaikan sama ada ke diri orang itu atau melalui pos berdaftar.

(2) Suatu notis yang dihantar melalui pos berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada orang yang kepadanya surat itu dialamatkan pada hari selepas hari notis itu sepatutnya diterima melalui perjalanan biasa pos, jika surat itu dialamatkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat, perkongsian atau badan orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia, kepada pejabat berdaftar itu;
- (b) dalam hal syarikat, perkongsian atau badan orang yang tidak mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia—
 - (i) ke mana-mana pejabat berdaftar syarikat, perkongsian atau badan orang itu (di mana-mana sahaja pejabat itu terletak);
 - (ii) ke tempat perniagaan utama atau aktiviti lain syarikat, perkongsian atau badan orang itu (di mana-mana sahaja tempat itu terletak); atau
 - (iii) kepada mana-mana individu yang diberi kuasa (oleh atau di bawah undang-undang mana-mana tempat di mana syarikat, perkongsian atau badan orang itu diperbadankan, didaftarkan atau diwujudkan) untuk menerima penyampaian notis itu; dan
- (c) dalam hal seorang individu, ke alamat terakhirnya yang diketahui sebagaimana yang terkandung dalam daftar.

JADUAL PERTAMA

FI

[Peraturan 4]

No.	Jenis fi	Fi (RM)
1.	Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengurus tenaga elektrik	20.00 setiap permohonan
2.	Pengeluaran/pembaharuan perakuan pendaftaran	100.00 setahun
3.	Permohonan untuk penggantian perakuan pendaftaran	50.00 setiap salinan
4.	Permohonan untuk salinan perakuan pendaftaran yang diperakui benar	10.00 setiap salinan

JADUAL KEDUA

BORANG A

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK DENGAN CEKAP 2008

LAPORAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK DENGAN CEKAP

BAGI TAHUN

[Perenggan 6(1)(d)]

Nama Pemegang Lesen Pemasangan Persendirian/Pengguna*:

.....

Alamat Pemegang Lesen Pemasangan Persendirian/Pengguna*:

.....

.....

No. Telefon:

No. Faks:

Alamat e-mel:

No. Pendaftaran Pemasangan:

Jumlah penggunaan tenaga elektrik/jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik* bagi enam bulan berturut-turut dalam tempoh yang dilaporkan : kWh

Jumlah penggunaan tenaga elektrik/jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik* bagi enam bulan berturut-turut dalam tempoh yang dilaporkan sebelumnya : kWh

Langkah-langkah pembaikan bagi pengurusan tenaga elektrik dengan cekap yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang dilaporkan

.....

.....

.....

Langkah-langkah pembaikan bagi pengurusan tenaga elektrik dengan cekap yang dicadangkan tetapi tidak dilaksanakan berserta dengan alasan bagi tidak melaksanakannya

.....
.....
.....

Anggaran penjimatan dalam jumlah penggunaan tenaga elektrik/jumlah bersih penjanaan tenaga elektrik* yang tercapai berikutan dengan langkah-langkah pembaikan bagi pengurusan tenaga elektrik dengan cekap yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang dilaporkan kWh

.....
.....
.....

Nama dan nombor pendaftaran pengurus tenaga elektrik berdaftar yang bertanggungjawab bagi pemasangan dalam tempoh yang dilaporkan

.....
.....

Kami, pemegang lesen pemasangan persendirian/ pengguna*, mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan dalam laporan ini dan dalam lampiran yang dikepilkan adalah benar dan tepat.

Tarikh:

.....

**Nama :)
No. K.P. :)
Jawatan :)
untuk dan bagi pihak pemegang lesen pemasangan)
persendirian/pengguna*)

Nota:

1. *Jika ruang tidak mencukupi untuk memberikan maklumat atau butir-butir, sila kepilkan lampiran. Tiap-tiap lampiran hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani laporan ini.*
2. ** Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
3. *** Borang ini tidak boleh ditandatangani oleh pengurus tenaga elektrik berdaftar bagi pemasangan itu.*

BORANG B**AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990**

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK DENGAN CEKAP 2008

**PERISYTIHARAN OLEH
PENGURUS TENAGA ELEKTRIK BERDAFTAR**

[Subperaturan 6(2)]

Saya,.....pengurus tenaga elektrik berdaftar
untuk pemegang lesen pemasangan persendirian/pengguna*....., dengan
ini mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa:

- (a) Saya telah diberikan akses yang mencukupi kepada rekod pemegang lesen pemasangan persendirian/pengguna* untuk membolehkan saya mengesahkan laporan dalam Borang A Jadual Kedua;
- (b) Dalam pengetahuan dan kepercayaan saya, laporan dalam Borang A Jadual Kedua telah disiapkan dengan baik berdasarkan pelaksanaan sebenar langkah-langkah pembaikan bagi pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan itu bagi tempoh yang dilaporkan;
- (c) Saya telah menilai prestasi dan kos bagi pengurusan tenaga elektrik dengan cekap di pemasangan itu; dan
- (d) *(apa-apa maklumat lain yang difikirkan sesuai)*

Tarikh:

DITANDATANGANI OLEH:

(Nama).....

(No. Pendaftaran).....

Nota:

1. *Jika ruang tidak mencukupi untuk memberikan maklumat atau butir-butir, sila kepilkan lampiran. Tiap-tiap lampiran hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani laporan ini*
2. ** Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

No. Perakuan:

BORANG C**AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990**

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK DENGAN CEKAP 2008

**PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGURUS
TENAGA ELEKTRIK**

[Subperaturan 14(4)]

Menurut subperaturan 14(2) Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik dengan Cekap 2008,
perakuan pendaftaran ini dikeluarkan kepada

(nama pemegang)

No. Kad Pengenalan:.....Tarikh Lahir:.....

dan memberi kuasa kepada pemegangnya untuk menjalankan fungsi dan kewajipan seorang pengurus tenaga elektrik berdaftar selama tempoh tahun* dari tarikh perakuan ini dikeluarkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah. Perakuan ini dikeluarkan kepada orang yang tersebut di atas dan tidak boleh digunakan oleh mana-mana orang lain.

SEKATAN, JIKA ADA:

SYARAT-SYARAT (sila lihat di muka surat belakang)

Tarikh dikeluarkan:

*Tarikh habis tempoh:

Fi: RM.....



.....
SURUHANJAYA TENAGA

Nota:

1. *Sekiranya perakuan pendaftaran ini berada dalam milikan mana-mana orang selain orang yang kepadanya perakuan ini dikeluarkan, perakuan ini hendaklah dikembalikan dengan serta-merta kepada Suruhanjaya Tenaga*
2. ** Tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun dari tarikh dikeluarkan.*

Dibuat 5 Disember 2008
[KTAKBP(S)353/3/7; PN(PU²)486/VI]

DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990

EFFICIENT MANAGEMENT OF ELECTRICAL ENERGY REGULATIONS 2008

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application
4. Fees

PART II

ELECTRICAL ENERGY MANAGEMENT

5. Obligation to submit information to the Commission
6. Notification by the Commission
7. Obligation of private installation licensee or consumer
8. Additional information
9. Review
10. Withdrawal

PART III

REGISTERED ELECTRICAL ENERGY MANAGER

11. Registered electrical energy manager of installation
12. Qualification requirements
13. Application for registration
14. Issuance of certificate of registration
15. Medical evidence of fitness of applicant
16. Functions and duties of a registered electrical energy manager

Regulation

17. Validity period of registration and renewal
18. Cancellation of registration of a registered electrical energy manager

PART IV

GENERAL

19. Register
20. Replacement of certificate of registration
21. Certified true copy of certificate of registration
22. General penalty
23. Extension of time
24. Service of notice

SCHEDULE

ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990**EFFICIENT MANAGEMENT OF ELECTRICAL ENERGY REGULATIONS 2008**

IN exercise of the powers conferred by sections 23A and 53 of the Electricity Supply Act 1990 [Act 447], the Minister makes the following regulations:

PART I**PRELIMINARY****Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008**.

(2) These Regulations come into operation on 15 December 2008.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

